

**Jurnal Qiraat**

Fakulti Pengajian Peradaban Islam,  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)  
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang Selangor  
2023, VOL 6, Bil 1, Halaman 16-27

## **Faktor-faktor Ketidaksambungan Sanad *Talaqqī* Al-Quran**

### *Factors in the disconnection of the Quranic sanad talaqqī*

**Mohamad Redha Mohamad<sup>1\*</sup>, Muhammad Fairuz A. Adi<sup>2</sup>, &**

**Muhammad Zaid Shamsul Kamar<sup>3</sup>**

<sup>1,2 & 3</sup> Jabatan Tahfiz al-Quran & al-Qiraat, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, 43000, Malaysia.

\* Corresponding Author: Dr. Mohamad Redha Mohamad. Jabatan Tahfiz al-Quran & al-Qiraat, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, 43000, Malaysia, mohamadredha@kuis.edu.my, 019-3993708, ORCID iD: 0000-0002-1760-3700.

---

#### **ABSTRACT**

*Quran is the main source of reference for Muslims in living their daily lives. It is a holy book that is always read, practiced and inherited through the ages. Muslims study the Quran with the guidance of teachers to obtain a valid reading method. The general knowledge of the Quran is passed on to each generation by the method of taking recitations from teachers, namely talaqqī mushāfahāh. Learning the Quran by the method of talaqqī mushāfahāh from teacher to student has formed a continuous sanad chain. The continuity of the sanad is very important because it is one of the three pillars of the acceptance of a valid recitation of the Qur'an. However, scholars have found that there are some things that would cause the Quranic sanad to be broken or disconnected. Thus, this article will discuss the factors that lead to the discontinuity of the Quranic talaqqī sanad. The study data was collected by analyzing literature documents, while the data analysis method was also carried out descriptively. The results of the study show that there are three factors that cause the disconnection of Quranic talaqqī sanads, namely falsification of sanad (tadlīs al-Isnād), discrepancies when recording sanad chains and an attitude of not being concerned and not taking knowledge of sanad. These three factors can be overcome by expanding the study and learning related to the science of Quranic sanads. The implication of the findings of the study is that it is imperative to educate people to know and understand the knowledge of Quranic sanad.*

#### **Keywords**

*Factors; Sanad; Talaqqī; Tadlīs; al-Quran*

**ABSTRAK**

Al-Quran merupakan sumber rujukan utama bagi umat Islam dalam menjalani kehidupan seharian. Ia merupakan kitab suci yang sentiasa dibaca, diamalkan dan diwarisi zaman-berzaman. Umat Islam mempelajari al-Quran dengan bimbingan guru bagi memperolehi dan mendapatkan cara bacaan yang sahih. Umum mengetahui al-Quran diwariskan kepada setiap generasi dengan kaedah mengambil bacaan dari guru iaitu *talaqqī* secara *mushāfahah*. Pembelajaran al-Quran dengan kaedah *talaqqī* secara *mushāfahah* daripada guru kepada murid telah membentuk jalur sanad yang bersambung. Ketersambungan sanad sangat penting kerana ia merupakan salah satu daripada tiga rukun penerimaan bacaan al-Quran yang sahih. Walaupun begitu, pengkaji mendapati terdapat beberapa perkara yang akan menyebabkan sanad al-Quran terputus atau tidak bersambung. Justeru, artikel ini akan membahaskan faktor-faktor berlakunya ketidaksambungan sanad *talaqqī* al-Quran. Data-data kajian dikumpul secara analisis dokumen kepustakaan, manakala metode analisis data pula dilakukan secara deskriptif. Dapatan kajian menunjukkan terdapat tiga faktor yang menyebabkan ketidaksambungan sanad al-Quran iaitu pemalsuan sanad (*tadlīs al-Isnād*), kecuaiannya ketika mencatat jalur-jalur sanad dan sikap tidak prihatin dan tidak mengambil tahu ilmu sanad. Ketiga-tiga faktor ini boleh diatasi dengan memperluaskan kajian dan pembelajaran berkaitan ilmu sanad al-Quran. Implikasi daripada dapatan kajian adalah mustahak untuk mendidik masyarakat mengetahui dan memahami ilmu sanad al-Quran.

**Kata Kunci**

Faktor-faktor; Sanad; *Talaqqī*; *Tadlīs*; al-Quran

**1.0 PENDAHULUAN**

Al-Quran merupakan sumber rujukan utama bagi umat Islam dalam menjalani kehidupan seharian. Ia mengandungi penyelesaian kepada masalah-masalah yang dihadapi oleh manusia (Fadzil, 2018). Umat Islam mempelajari al-Quran dengan bimbingan guru bagi memperolehi dan mendapatkan cara bacaan yang sahih. Umum mengetahui al-Quran diwariskan kepada setiap generasi dengan kaedah mengambil bacaan daripada guru iaitu *talaqqī* secara *mushāfahah* (A'Tarahim, Hisham & Shaifulbahri, 2009). Rasulullah SAW mengambil bacaan al-Quran daripada Jibril AS, para sahabat mengambil daripada baginda, para tabiin mengambil daripada sahabat dan begitulah seterusnya sehingga sampai bacaan al-Quran kepada generasi kita (Sa'ad, 2013). Pembelajaran al-Quran dengan kaedah *talaqqī* secara *mushāfahah* daripada guru kepada murid telah membentuk jalur sanad yang bersambung.

Sanad *talaqqī* al-Quran membawa maksud salasilah perawi yang meriwayatkan bacaan al-Quran secara bersambung daripada sumber utama iaitu Rasulullah SAW yang diperolehi secara bersemuka di hadapan guru. Dewasa ini, pengambilan sanad *talaqqī* al-Quran semakin dititikberatkan di Malaysia (Alias, Mohamad & Ahmad, 2015). Ini berikutan beberapa faktor penting yang membawa kepada hasil positif apabila aktiviti pengijazahan sanad sentiasa diamalkan. Antara hadis yang menunjukkan kepentingan bertalaqqī al-Quran adalah sebagaimana yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad (1995) seperti berikut:

عن عَمْرُو بْنِ الْعَاصِ أَنَّهُ سَمِعَ رَجُلًا يَقْرَأُ آيَةً مِنَ الْقُرْآنِ فَقَالَ مَنْ أَقْرَأَكَهَا؟ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ فَقَدْ أَقْرَأَنِيهَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَى غَيْرِ هَذَا فَذَهَبَا إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ أَحَدُهُمَا يَا رَسُولَ



اللَّهُ آيَةٌ كَذًا وَكَذَا ثُمَّ قَرَأَهَا فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ هَكَذَا أَنْزَلَتْ فَقَالَ الْآخِرُ يَا رَسُولَ اللَّهِ فَقَرَأَهَا عَلَيَّ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ أَلَيْسَ هَكَذَا قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِنَّ هَذَا الْقُرْآنَ أَنْزَلَ عَلَيَّ سَبْعَةَ أَحْرَفٍ فَأَيُّ ذَلِكَ قَرَأْتُمْ فَقَدْ أَحْسَنْتُمْ وَلَا تَمَارَوْا فِيهِ فَإِنَّ الْمِرَاءَ فِيهِ كُفْرٌ أَوْ آيَةٌ الْكُفْرِ .

[Hadis riwayat Ahmad dalam Musnadnya: 17821]

Maksudnya:

“Daripada Amru bin al-‘As RA: sesungguhnya dia mendengar seorang lelaki membaca sepotong ayat dari al-Quran, maka dia bertanya: siapa yang membacakan ayat ini kepada engkau? Maka dia menjawab: Rasulullah SAW, dia (Amru) berkata: sesungguhnya baginda membacakan ayat ini kepada aku dengan bacaan yang lain! Maka mereka berdua pergi bertemu dengan Rasulullah dan salah seorang dari mereka bertanya: wahai Rasulullah, ayat sekian sekian kemudian dia membacanya, baginda menjawab: begitulah ia diturunkan, maka berkata seorang lagi: wahai Rasulullah! Maka dibacanya ayat itu dan bertanya: bukankah begini wahai Rasulullah? Baginda menjawab: begitulah ia diturunkan. Maka baginda berkata: sesungguhnya al-Quran diturunkan dengan sab’ah ahurf, maka yang mana saja kamu baca ia adalah sah, dan jangan kamu ragu padanya, kerana keraguan kepadanya akan menyebabkan kamu kafir atau pun ia adalah tanda-tanda kafir.”

Berdasarkan hadis di atas, dua intipati utama yang boleh kita simpulkan adalah keprihatinan ulama terhadap sanad al-Quran dan sumber sanad al-Quran datangnya dari Rasulullah SAW (Sa‘ad, 2013). Intipati yang pertama boleh dilihat melalui kata-kata sahabat iaitu (مَنْ أقرأَ كَهَا؟) yang menunjukkan sahabat bertanya dari siapa bacaan al-Quran tersebut diambil. Ini membuktikan para sahabat mengambil berat dan prihatin terhadap jalur sanad sesuatu bacaan. Setiap bacaan al-Quran perlu diketahui dari mana asal jalur sanadnya bagi memastikan kesahihannya. Intipati yang kedua pula boleh diambil dan diterjemahkan dari jawapan sahabat iaitu (رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ) yang bermaksud mereka menerima bacaan al-Quran tersebut dari Rasulullah SAW. Ini menunjukkan bahawa Rasulullah SAW adalah sumber sanad bacaan al-Quran. Setiap bacaan yang sah pasti berasal dari baginda SAW. Kesemua ini juga merupakan bukti bahawa kemunculan ilmu sanad al-Quran telah pun bermula dari zaman Rasulullah SAW. Para sahabat mengambil sanad bacaan al-Quran dengan kaedah *talaqqī* secara *mushāfahah* daripada baginda. Kaedah *talaqqī* secara *mushāfahah* ini terus menerus diamalkan pada setiap zaman oleh para *qurrā’* dan ahli-ahlinya sehingga ke masa kini (Redha, Mohamed Ramli & Alias, 2020).

Kaedah *talaqqī* secara *mushāfahah* akan membentuk jalur sanad al-Quran yang bersambung sampai kepada Rasulullah SAW. Ketersambungan sanad sangat penting kerana ia merupakan salah satu daripada tiga rukun penerimaan bacaan al-Quran yang sah. Walaupun begitu, pengkaji mendapati beberapa perkara yang akan menyebabkan sanad al-Quran terputus atau tidak bersambung. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti latar belakang sanad *talaqqī* al-Quran dan menganalisis faktor-faktor berlakunya ketidaksambungan sanad *talaqqī* al-Quran.

## 2.0 METODOLOGI KAJIAN



Reka bentuk kajian ini adalah merupakan kajian kualitatif yang berasaskan instrumen pengumpulan data. Data-data dikumpul melalui metode kepustakaan. Pengkaji telah mengumpul maklumat kajian untuk analisis dari jurnal, artikel, kamus dan buku-buku ilmiah yang terdapat di beberapa buah perpustakaan berhampiran seperti Perpustakaan As-Syafie Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor dan Perpustakaan Universiti Sains Islam Malaysia. Selain itu, pengkaji juga mengumpul maklumat kajian dari laman sesawang yang berautoriti sebagai maklumat tambahan.

### 3.0 DEFINISI *TALAQQĪ* AL-QURAN BERSANAD

Sanad secara bahasa berasal dari perkataan *سَنَدٌ* yang bermaksud menopang, menyandar atau menyangga (Zainuddin, Zainuddin & Mohd Isa, 2010). Dalam istilah ilmu *qirā'āt*, sanad diertikan sebagai rangkaian *muqri'* daripada *muqri'* sehingga sampai kepada Rasulullah SAW (Khairuddin Said & Jamaluddin Adam, 2011). Dalam pengertian yang lebih khusus sanad atau *isnād* bermaksud sandaran, sijil tauliah atau kesaksian dalam penerimaan sesuatu *qirā'āt* (al-Jazari, 2002). Manakala Sayyidī (2004) pula menyatakan sanad di sisi *qurrā'* adalah salasilah perawi yang meriwayatkan bacaan, riwayat, *tarīq*, dan wajah daripada sumber utama.

Menurut Zainuddin, Zainuddin & Mohd Isa (2010), *talaqqī* التَّلَقِّي merupakan perkataan yang diambil daripada kata dasar *لَقِيَ* iaitu bertemu, bersemuka atau bertembung. Al-Zarqanī (2001) menyatakan *talaqqī* bermaksud pengambilan bacaan al-Quran daripada seorang yang dipercayai daripada guru yang dipercayai dan seorang imam daripada imam sehinggalah kepada Nabi Muhammad SAW. Al-Majidī (2000) pula berpandangan *talaqqī* adalah satu metode pembelajaran lafaz-lafaz al-Quran di mana seorang guru akan membacakan sepotong ayat kepada murid, lalu murid tersebut akan membacakan semula ayat tersebut dengan cara bacaan guru tadi. Zaidar (2014) menyatakan *talaqqī* daripada sudut istilah bermaksud mengambil atau belajar ilmu secara langsung di hadapan guru.

Oleh itu sekiranya dihubungkan, sanad *talaqqī* al-Quran membawa maksud salasilah perawi yang meriwayatkan bacaan al-Quran secara bersambung daripada sumber utama iaitu Rasulullah SAW yang diperolehi secara bersemuka di hadapan guru. Ada pun dalam konteks kajian ini, pengkaji akan menganalisis faktor-faktor berlakunya ketidaksambungan sanad *talaqqī* al-Quran.

### 4.0 TUNTUTAN *TALAQQĪ* AL-QURAN BERSANAD

Tradisi pengambilan sanad *talaqqī* al-Quran perlu diteruskan kerana wujudnya beberapa kepentingan. Kepentingan utama pengambilan sanad adalah kerana ianya merupakan sunnah Rasulullah SAW. Baginda membaca al-Quran dengan Jibril AS secara bertalaqqī dan mengulanginya pada bulan Ramadhan setiap tahun. Hal ini adalah berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah RA katanya:

كَانَ يَعْزُضُ عَلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْقُرْآنَ كُلَّ عَامٍ مَرَّةً، فَعَرَضَ عَلَيْهِ مَرَّتَيْنِ فِي الْعَامِ الَّذِي قُبِضَ فِيهِ.

[Hadis riwayat al-Bukhārī dalam *Sahihnya*: 4998]

Maksudnya:



*“Telah dibacakan (Jibril) al-Quran ke atas Nabi SAW sekali pada setiap tahun, dan dibacakan (Jibril) al-Quran ke atas Nabi SAW sebanyak dua kali pada tahun kewafatan baginda.”*

Hadis di atas menerangkan kaedah bagaimana Rasulullah SAW mengambil bacaan al-Quran daripada Jibril AS. Al-‘Asqalānī (2013) menjelaskan perkataan *يَعْرِضُ* dalam hadis tersebut bermaksud Jibril bertemu dengan baginda untuk membacakan al-Quran, dan baginda akan mendengarnya. Kemudian baginda pula akan membaca al-Quran dan Jibril mendengarnya. Hadis ini adalah asas dan dalil bahawa al-Quran perlu dipelajari secara berguru bagi memastikan kesahihan pembacaannya. Guru yang berkeahlian dan berkemahiran adalah sebagai penjamin kesahihan setiap bacaan muridnya. Kaedah yang sama juga turut diterapkan oleh para sahabat dan tabiin (Sa‘ad, 2013).

Setiap surah dan ayat al-Quran disampaikan oleh Jibril kepada baginda menerusi kaedah *talaqqī* secara *mushāfahah* iaitu Jibril membaca ayat al-Quran dan diikuti oleh baginda, seterusnya dihafaz ayat-ayat tersebut oleh baginda. Bermula dari surah al-‘Alaq hinggalah kepada ayat yang terakhir, kaedah ini berterusan digunakan turun-temurun untuk mewariskan al-Quran sehingga ke hari ini (Hazim, 2012). Daripada baginda kepada para sahabat, kemudian diwariskan kepada tabiin dan sehinggalah sampai kepada kita ayat-ayat al-Quran, yang mana semua ini membuktikan kesinambungan sanad al-Quran yang terjaga rapi oleh para guru al-Quran. Baginda sentiasa memperdengarkan ayat-ayat al-Quran kepada para sahabat sama ada ketika berkhotbah, berdakwah, mengeluarkan fatwa, solat berjemaah dan sebagainya (Abd Ghani, 2009). Hal ini sekaligus menunjukkan pengambilan sanad al-Quran adalah merupakan sunnah Rasulullah SAW yang perlu dijaga dan diamalkan secara berterusan. Firman Allah SWT dalam surah al-Qiyāmah ayat 16 hingga 18:

لَا تُحْرِكْ بِهِ لِسَانَكَ لِتَعْجَلَ بِهِ ۚ إِنَّ عَلَيْنَا جَمْعَهُ وَقُرْآنَهُ ۗ فَإِذَا قَرَأْتَهُ فَاتَّبِعْ قُرْآنَهُ ۗ

Maksudnya:

*“Janganlah engkau (wahai Muhammad) kerana hendak cepat menghafaz al-Quran yang diturunkan kepadamu, menggerakkan lidahmu membacanya (sebelum selesai dibacakan kepadamu). Sesungguhnya Kami-lah yang berkuasa mengumpulkan al-Quran itu (dalam dadamu), dan menetapkan bacaannya (pada lidahmu). Oleh itu, apabila Kami telah menyempurnakan bacaannya (kepadamu, dengan perantaraan Jibril), maka bacalah menurut bacaannya itu.”*

Berdasarkan surah al-Qiyāmah ayat 16 hingga 18 di atas, Qutb (2018) menyatakan Rasulullah SAW memberi sepenuh perhatian kepada wahyu yang turun dan amat bimbang akan terlupa ayat-ayat al-Quran tersebut. Inilah yang mendorong baginda untuk mengikuti bacaan Malaikat Jibril AS ayat demi ayat dan perkataan demi perkataan agar baginda benar-benar yakin telah mengingati kesemuanya. Begitu juga al-Nasafi (2011) menyatakan ayat 18 bermaksud Jibril membacakan al-Quran kepada baginda, maka baginda mengambil bacaan tersebut sebagaimana yang dibacakan Jibril. Baginda bertalaqqī dan mengambil bacaan al-Quran daripada Malaikat Jibril AS dengan sepenuh perhatian dan fokus. Ayat ini menjelaskan konsep *talaqqī mushāfahah* yg betul, iaitu Rasulullah SAW perlu mendengar terlebih dahulu sehingga Jibril AS selesai membaca, kemudian barulah baginda mengikuti bacaan Jibril AS. Ayat ini menegur baginda SAW agar tidak membaca sebelum Jibril AS selesai membaca.



Ayat al-Quran ini jelas menunjukkan proses pembelajaran al-Quran yang sah adalah secara berguru dan perlu dipelajari dengan sepenuh perhatian dan fokus. Menurut Redha, Zaidar & Alias (2020), terdapat lima faktor utama relevansi pewarisan sanad *talaqqī* al-Quran iaitu sunnah Rasulullah SAW, kesahihan bacaan, kebanggaan penuntut ilmu, kelangsungan sanad 'ālī dan bimbingan yang berterusan. Kesemua ini jelas menunjukkan pengamalan *talaqqī* al-Quran secara bersanad adalah sangat dituntut dan perlu dimasyhurkan di Malaysia.

## 5.0 TIGA RUKUN *QIRĀ'ĀT ṢAḤĪḤAH*

Imam Ibn al-Jazarī telah menukilkan di dalam bait syair beliau iaitu *Ṭayyibah al-Nashr fī Qirā'āt al-'Ashr* seperti berikut (al-Nuwayrī, 2003):

فَكُلُّ مَا وَاَفَقَ وَجْهَ نَحْوٍ      وَكَانَ لِلرَّسْمِ اِحْتِمَالًا يَجْوِي  
وَصَحَّ اِسْنَادًا هُوَ الْقُرْآنُ      فَهَذِهِ التَّلَاثَةُ الْاَرْكَانُ  
وَحَيْثُمَا يَخْتَلَّ رُكْنٌ اَثْبِتْ      شُدُوذَهُ لَوْ اَنَّهٗ فِي السَّبْعَةِ

Tiga rangkap bait syair di atas adalah rukun *qirā'āt ṣaḥīḥah* menurut Imam Ibn al-Jazarī. *Qirā'āt ṣaḥīḥah* bermaksud bacaan al-Quran yang meliputi tiga rukun yang dinyatakan iaitu menepati kaedah bahasa Arab sekalipun dari satu sudut, bertepatan dengan salah satu dari mashaf uthmani dan juga sanad yang sah. Manakala bacaan yang rosak satu rukun atau lebih, maka ia termasuk dalam kategori *qirā'āt shādhah*. Kesahihan sanad merupakan rukun yang sangat penting bagi memastikan bacaan tersebut benar-benar datang dari Rasulullah SAW. Oleh itu, kajian ini akan membincangkan rukun *qirā'āt ṣaḥīḥah* yang ketiga iaitu sanad yang sah dari sudut faktor-faktor yang menyebabkan ketidaksambungan sanad.

Sanad al-Quran yang sah perlu sentiasa dijaga dan dipelihara pada setiap zaman. Sah sanad bermaksud bacaan al-Quran tersebut diriwayatkan oleh *rijāl* yang adil dan *dābiṭ* sepanjang jalur sanad, masyhur dalam kalangan *qurrā'*, tidak tergolong dalam kalangan orang yang bercelaru dan tiada *shādh* (Ibn 'Aqīlah, 2006). Setiap murid yang ingin mendapatkan sanad al-Quran perlu memastikan guru tersebut adalah seorang yang menjaga agama dan ilmunya serta memiliki sanad yang sah. Ada pun begitu, murid tidak seharusnya membandingkan ketinggian sanad guru-guru al-Quran, tetapi melihat kepada sifat-sifat terpuji yang terdapat pada mereka. Sebagai contoh, Sufyān al-Thaurī (w. 161H) tidak mengambil bacaan al-Quran melainkan daripada Imam Ḥamzah walaupun pada ketika itu wujud *qurrā'* lain yang lebih tinggi sanadnya daripada beliau (Al-Sayyid Aḥmad, 2011). Ini adalah kerana Imam Ḥamzah dikenali karakternya sebagai seorang yang warak dan bertaqwa. Telah berkata al-Dhahabī (2004) dalam kitabnya *Siyar A'lām al-Nubalā'* bahawa Sufyān al-Thaurī telah membaca al-Quran daripada Imam Ḥamzah sebanyak empat kali khatam.

Di samping itu, Imam Ibn al-Jazarī dengan kesungguhannya telah berusaha untuk mengumpul kembali kesemua sanad-sanad *qirā'āt* di zaman beliau. Beliau telah menemui semua *qurrā'* yang mempunyai sanad-sanad *qirā'āt* dan menapisnya semula untuk memastikan kesahihannya (Khairuddin Said & Jamaluddin Adam, 2011). Beliau telah memperolehi hasil yang sangat lumayan lantas menghasilkan karya agung dalam ilmu *qirā'āt* iaitu sebuah syair yang diberi nama *Ṭayyibah al-Nashr fī Qirā'āt al-'Ashr*. Syair ini mengumpulkan ilmu *qirā'āt* sepuluh dan diguna pakai hingga ke hari ini sebagai rujukan utama dalam ilmu *qirā'āt*. Kesungguhan beliau dalam mengumpul sanad-sanad al-Quran adalah bukti betapa pentingnya menjaga kesahihan sanad al-Quran.



## 6.0 FAKTOR-FAKTOR KETIDAKSAMBUNGAN SANAD AL-QURAN

Kini, pusat pengajian *talaqqī* al-Quran bersanad semakin bertambah bilangannya di Malaysia (Redha, Fairuz & Ikram, 2022). Sebagai contoh REHAL di Kota Damansara, al-Baghdadi Group Sdn. Bhd. di Batu Caves, UMN Resources di Klang, El-Khozandaroh Learning Centre di Kajang, Akademi Al-Quran Bandar Raya Islam di Kota Bharu dan Rumah Talaqqī al-Quran Johor di Skudai. Ini membuktikan pengajian *talaqqī* al-Quran bersanad semakin subur dan berkembang di seluruh Malaysia. Pusat-pusat pengajian ini menawarkan pengajian *talaqqī* al-Quran bersanad secara bersijil. Walau bagaimanapun, setiap individu yang ingin mengambil sanad *talaqqī* al-Quran perlu mengambil tahu berkaitan asas-asas ilmu sanad al-Quran. Mereka juga perlu memastikan sanad *talaqqī* al-Quran yang mereka perolehi adalah sahih dan bersambung sampai kepada Rasulullah SAW. Menurut dapatan pengkaji, berikut adalah tiga faktor yang menyebabkan ketidaksambungan sanad al-Quran:

- i) Pemalsuan sanad (*Tadlīs al-Isnād*)
- ii) Kecuaian ketika mencatat jalur-jalur sanad
- iii) Sikap tidak prihatin dan tidak mengambil tahu ilmu sanad

### 6.1 Pemalsuan sanad (*Tadlīs al-Isnād*)

*Tadlīs* terhadap al-Quran merupakan satu penyelewengan dan pemalsuan terhadap kitab suci al-Quran yang tidak sepatutnya dilakukan terutamanya dalam kalangan para *qurrā'* dan guru-guru al-Quran. Sebab utama *tadlīs* terhadap al-Quran ini dikaji adalah untuk menjaga syarat yang paling penting di dalam penerimaan bacaan al-Quran iaitu kesahihan sanad. *Tadlīs* ini disebut sebagai *Tadlīs al-Isnād*. Sebagaimana yang telah dijelaskan di awal kajian ini, tiga syarat penerimaan bacaan al-Quran adalah sanad yang sahih, bertepatan dengan salah satu kaedah bahasa Arab dan bertepatan dengan rasm uthmani.

*Tadlīs al-Isnād* bermaksud menyembunyikan kesilapan atau pemalsuan dan penyelewengan pada sanad. Dari sudut bacaan al-Quran, *tadlīs al-Isnād* berlaku apabila seorang pelajar menisbahkan bacaannya kepada seorang guru yang sebenarnya beliau tidak mengambil bacaan daripadanya, dan beliau tidak mempunyai saksi (Bassām Hijāzi, 2021). *Tadlīs al-Isnād* juga boleh berlaku apabila seseorang mengambil bacaan riwayat Ḥafṣ tetapi mendakwa membaca dengan *qirā'āt sab'ah* atau *qirā'āt 'asharah* (Bassām Hijāzi, 2021). Sebagai contoh, al-Shaykh Mas'ūd al-Hulī telah diketahui memalsukan sijil sanad beliau untuk mendakwa telah memperolehi ijazah sanad al-Quran daripada Ibn Siwār (Ibn al-Jazārī, 2006). Antara sebab seseorang melakukan *tadlīs* adalah untuk menzahirkan ketinggian sanad (Al-Sayyid Aḥmad, 2011). Perkara ini dinyatakan oleh Ibn al-Jauzī (1983) dalam kitabnya *Talbīs Iblīs*:

“*Sesungguhnya terdapat sebahagian dari para qari yang mengambil ringan dalam mendakwa dirinya telah menerima bacaan al-Quran dari seorang guru, padahal dia tidak menerimanya. Maka aku mengatakan hal ini adalah tadlīs, kerana dia menyangka dirinya telah melakukan perbuatan yang baik dengan meriwayatkan al-Quran, padahal dia lupa hal ini adalah satu penipuan dan ke atasnya dosa orang-orang yang menipu...*”.

Seburuk-buruk jenis *tadlīs* adalah apabila seseorang mendakwa dia telah mengambil bacaan daripada seorang guru yang beliau tidak ambil daripadanya. Dr. Ayman Suwayd (2018) berkata:



“Dan kita telah mendengar pada hari ini dari si fulan yang berkata: Aku telah memperolehi ijazah (sanad al-Quran) dari si fulan! Tetapi diragui bahawa dia telah membaca (al-Quran) kepada syeikh tersebut, dan perkara ini adalah termasuk dalam jenis-jenis *tadlīs*...”

Imam al-Nuwayrī (2003) menyatakan mengetahui dengan tahap yang baik berkenaan keadaan *rijāl* dan sanad-sanad al-Quran adalah satu keperluan. Menjaga dan memelihara sanad al-Quran adalah perkara yang penting dalam Islam. Ini berikutan berlaku beberapa isu dan permasalahan seperti pengguguran nama *rijāl al-Qirā’āt* dari jalur sanad, menamakan *rijāl al-Qirā’āt* bukan dengan namanya dan kesalahan ejaan nama *rijāl al-Qirā’āt* (al-Nuwayrī, 2003). Isu-isu seperti ini perlu ditangani dan diselesaikan agar pemeliharaan jalur sanad al-Quran akan sentiasa terlaksana. Hasan Muṣṭafā (2008) memberi saranan yang baik kepada para guru al-Quran untuk mengelakkan *tadlīs*, katanya:

“Dan *afdhalnya* guru mempunyai buku khas untuk ditulis nama-nama pelajar yang telah khatam al-Quran ke atas beliau, dan ditulis tarikh khatam, riwayat yang dibaca, alamat pelajar, nombor telefon pelajar, dan memperkenalkan semua pelajar beliau kepada anak-anaknya, kerana semua perkara ini dapat mengelakkan *tadlīs* atau selainnya ...”

Oleh itu, perbuatan *tadlīs al-Isnād* akan menyebabkan berlakunya ketidaksambungan sanad. Malah ia merupakan jenayah ilmu yang berat, terutamanya *tadlīs* yang dilakukan terhadap al-Quran kerana al-Quran merupakan kitab suci umat ini. Maka seharusnya para ilmuan menghindarkan diri daripada melakukan *tadlīs* kerana ia merupakan penipuan yang besar dan akan merosakkan kesinambungan sanad al-Quran.

## 6.2 Kecuaian Ketika Mencatat Jalur-jalur Sanad

Wawan Djunaedi (2004) telah menjalankan satu kajian terhadap jalur sanad dua tokoh *qurrā’* terkenal dari Nusantara iaitu Kiai Munawwir Jogja (m. 1360H) dan Kiai Munawwar Gresik (m. 1365H). Sanad kedua-dua *qurrā’* Indonesia ini tergolong dari kalangan sanad yang tertua usianya. Kedua-dua *qurrā’* ini dikatakan menempati *ṭabaqah* yang ke 28 dan telah mengambil bacaan al-Quran dari guru yang sama iaitu al-Shaykh ‘Abd al-Karīm bin ‘Umar al-Dimyāṭi. Wawan Djunaedi (2004) telah berhasil mendapatkan jalur sanad kedua *qurrā’* ini dari beberapa sumber yang berlainan lantas menjalankan proses analisis dan kritik sanad. Hasil kajian mendapati kedua *qurrā’* ini tidak menempati *ṭabaqah* yang ke 28 sebagaimana yang tertulis pada sijil sanad, namun kedua mereka adalah terletak pada *ṭabaqah* yang ke 30. Hal ini terjadi kerana telah hilang dua nama *rijāl* dari jalur sanad lantas menyebabkan kedua *qurrā’* ini naik ke *ṭabaqah* yang ke 28. Walaupun begitu, beliau beranggapan hal ini terjadi bukan kerana kesilapan yang dilakukan oleh kedua *qurrā’* ini berikutan banyaknya persamaan di antara sanad mereka. Kesilapan ini berkemungkinan berpunca dari *rijāl* sanad yang lebih awal ataupun individu lain yang membantu mencatat jalur-jalur sanad ini. Oleh itu, kedua *qurrā’* ini tidak dituduh melakukan penyelewengan sanad ataupun *tadlīs al-Isnād*.


Ini membuktikan setiap jalur sanad perlu diteliti dan dianalisis kesahihannya. Antara kaedah mengelakkan kecuaiian ketika mencatat jalur-jalur sanad adalah dengan merujuk kepada kitab-kitab *ṭabaqāt al-Qurrā’*. Kitab *ṭabaqāt al-Qurrā’* merupakan kitab yang terkandung latar belakang ramai *qurrā’* di dalamnya termasuklah nama-nama guru dan pelajar mereka. Sebagai tambahan, guru-guru al-Quran juga memainkan peranan yang penting dengan merekodkan nama-nama pelajar ke dalam buku daftar. Rekod dan catatan buku daftar ini boleh dijadikan rujukan sekiranya timbul sebarang isu atau keraguan. Sebagai contoh, Dato’ Haji Sallehudin Omar telah melakukan perkara ini sejak awal pengajaran kelas al-Quran beliau. Beliau akan menulis setiap nama pelajar yang membaca al-Quran di hadapannya (Redha, Fairuz & Ikram,



2022). Kebaikan perkara ini adalah supaya setiap pelajar dapat dipastikan lengkap membaca 30 juzu' dari awal hingga akhir al-Quran tanpa tertinggal satu ayat pun. Setiap guru al-Quran wajar mencontohi amalan ini supaya dapat menambah kepercayaan masyarakat terhadap pengajian *talaqqī* al-Quran bersanad.



Gambar 1: Buku daftar pelajar Dato' Haji Sallehudin Omar (1)



Gambar 2: Buku daftar pelajar Dato' Haji Sallehudin Omar (2)

### 6.3 Tidak Prihatin Dan Tidak Mengambil Tahu Ilmu Sanad

Sikap tidak prihatin dan tidak mengambil tahu ilmu sanad juga merupakan salah satu punca sanad terputus. Imam Ibn al-Jazarī (2018) telah menyebut di dalam kitab beliau:

وَمَنْ نَظَرَ أَسَانِيدَ كُتُبِ الْقُرْآنِ وَأَخَاطَ بِتَرَاجِمِ الرُّوَاةِ عِلْمًا عَرَفَ قَدْرَ مَا سَبَرْنَا وَنَقَحْنَا وَصَحَحْنَا، وَهَذَا عِلْمٌ أَهْمٌ، وَبَابٌ أُغْلِقُ، وَهُوَ السَّبَبُ الْأَعْظَمُ فِي تَرْكِ كَثِيرٍ مِنَ الْقُرْآنِ، وَاللَّهُ تَعَالَى يَحْفَظُ مَا بَقِيَ.

Maksudnya: “Dan sesiapa yang memerhatikan sanad-sanad dari kitab-kitab al-Qirā’āt dan mengkaji biografi para perawi dari sudut akademik, dia akan mengetahui nilai apa yang kami lakukan ini dari sudut penelitian, semakan dan keabsahannya, maka (ketahuilah bahawa) ilmu ini telah diabaikan, dan pintunya



(seakan-akan) telah tertutup. Ini menjadi punca yang paling utama sebahagian besar qiraat telah ditinggalkan. Sesungguhnya Allah akan menjaga (qiraat) yang kekal (baki yang masih ada)”.

Selain itu, Syeikh Fuad Kamaluddin (2013) juga menyebut dalam pendahuluan kitab beliau *al-Luma' fī Asānīd Qirā'āt al-Sab'*:

“Saya mengeluarkan sanad ini atas permintaan sahabat-sahabat saya dari kalangan *huffāz* dan *qurrā'* al-Quran yang tidak berkesempatan untuk meriwayatkannya sekalipun berkeahlian. Ini disebabkan kekurangan orang-orang yang menceburkan diri dalam bidang *isnād* dan *ijazah* pada zaman mutakhir ini.”

Sebagai tambahan, al-Shaykh Bassām Hijāzi (2021) memberikan beberapa punca berlaku ketidaksambungan sanad seperti guru al-Quran tidak mengijazhkannya atau terlupa, tidak mengulangkaji ilmu tajwid dan qiraat, tidak membaca dan mengajar al-Quran kepada masyarakat, dan tidak istiqamah mengajar dalam bidang ini. Dato' Sallehudin Omar (2021) juga memperakui antara puncanya adalah tidak mengkaji bidang ini, kurang rasa prihatin dan kurang mengambil berat ilmu sanad al-Quran. Oleh itu diharapkan masyarakat tidak hanya sekadar bertalaqqī bacaan al-Quran, tetapi turut melengkapkan diri dengan ilmu-ilmu berkaitan seperti ilmu tajwid dan ilmu sanad.

## 7.0 KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, pengajian *talaqqī* al-Quran bersanad perlu ditambah baik daripada pelbagai sudut. Sebelum ini, pengajian al-Quran mungkin hanya ditekankan kepada asas-asas tajwid sahaja. Namun seiring dengan perkembangan pengajian *talaqqī* al-Quran bersanad pada masa kini, sewajarnya setiap guru al-Quran dan para pelajar mengetahui asas ilmu sanad al-Quran. Asas ilmu sanad al-Quran akan meningkatkan kualiti dan kredibiliti individu di dalam bidang al-Quran. Selain itu, kajian turut mendapati tiga faktor yang menyebabkan ketidaksambungan sanad al-Quran iaitu pemalsuan sanad (*tadlīs al-Isnād*), kecuaiian ketika mencatat jalur-jalur sanad dan sikap tidak prihatin dan tidak mengambil tahu ilmu sanad. Ketiga-tiga faktor ini boleh diatasi dengan memperluaskan kajian dan pembelajaran berkaitan ilmu sanad al-Quran. Perlu difahami, ketidaksambungan jalur sanad oleh individu masa kini tidak menjejaskan *qirā'āt ṣaḥīḥah* kerana ia telah dijamin sahih dari jalur-jalur yang lain. Pengajian *talaqqī* al-Quran bersanad perlu dimasyhurkan di Malaysia di samping menarik minat masyarakat untuk membaca al-Quran. Kajian ini mampu memberi impak dalam menaikkan minat umat Islam di Malaysia untuk mengkaji dan mendalami ilmu sanad al-Quran.

## RUJUKAN

- al-'Asqalānī, I. H. (2013). *Fath al-Bārī bi Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Mesir: Dar al-Risāla al-'Alamīyya.
- Abd Ghani, A. R. (2009). *Pemeliharaan Al-Quran: Kajian di Unit Kawalan Teks al-Quran Kementerian Keselamatan Dalam Negeri*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Universiti Malaya, Malaysia.
- Aḥmad, taḥqīq: Shu'aib al-Arnaut & 'Adīl. (1995). *Musnad*. Muassasa al-Risāla.
- Alias, N., Mohamad, K. A. & Ahmad, A. M. (2015). *Fenomena Talaqqi Al-Quran Bersanad Riwayat Hafṣ 'An 'Asim Menurut Tariq Al-Syatibiyyah: Sumbangannya Dalam Perkembangan Pengajian Al-Quran Di Malaysia*. E-Prosiding: Seminar Wahyu Asas Tamadun IV Peringkat Antarabangsa.



Fakulti Pengajian Quran Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia. Diakses dari: <https://smk.ukm.my/erep/fail3.cfm?komp=TPP2015640>.

- A'Tarahim, M., Hisham, A. & Shaifulbahri, M. (2009). *Perkembangan Awal Ilmu Qira'at*. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*. 2. <https://journal.unisza.edu.my/jimk/index.php/jimk/article/view/47/44>
- Ayman Suwayd. (2018). *Talaqqī al-Qur'ān al-Karīm 'Abr al-'Uṣūr*. Istanbul: Dār al-Ghawthānī li al-Dirāsāt al-Qur'āniyyah.
- Bassām Hijāzi. (9 Ogos 2021). Konsep *Talaqqī al-Quran Bersnad* (Temu bual).
- al-Dhahabī. (2004). *Siyar A'lām al-Nubalā'*. Lubnan: Bait al-Afkār al-Dawliyyah.
- Fadzil, A. (2018). *The Amazing Al-Quran*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd.
- Fuad Kamaluddin. (2013). *al-Luma' fī Asānīd Qirā'āt al-Sab'*. Seremban: SOFA Production Sdn Bhd.
- Hazim, W. M. (2012). *Al-Quran dan Talaqqi Mushafahah*. Kuala Terengganu: Makalah Dakwah Masjid Abidin.
- Ibn 'Aqīlah. (2006). *Al-Ziyādah wa al-Ihsān fī 'Ulūm al-Qur'ān*. Kuwait: Markaz al-Buḥūth wa al-Dirāsāt.
- Ibn al-Jauzī. (1983). *Talbīs Iblīs*. Beirut: Dār al-Qalam.
- Ibn al-Jazarī. (2006). *Ghāyah al-Nihāyah fī Ṭabaqāt al-Qurrā'*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn al-Jazarī. (2018). *al-Nashr fī al-Qirā'āt al-'Ashr*. Beirut: Dār al-Fikr.
- al-Jazarī, I. (2002). *Ṭayyiba al-Nashr fī Qirā'āt al-'Ashr*. Kaherah: Maktabat al-Sunna.
- Kamus Dewan. (2015). Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- al-Majidī. (2000). *Talaqqī al-Nabī SAW Alfāz al-Qur'ān al-Karīm*. Beirut: Muassasa al-Risāla.
- Muṣṭafā, H. (2008). *Al-Ijāzāt wa al-Asānīd al-Qur'āniyyah: Su'āl wa Jawāb*. Mesir: Dār Āli Yāsir.
- al-Nasafī. (2011). *Madārik al-Tanzīl wa Ḥaqāiq al-Ta'wīl*. Beirut: Dar Ibn Kathīr.
- al-Nuwayrī. (2003). *Sharḥ Ṭayyibah al-Nashr fī al-Qirā'āt al-'Ashr*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Omar, S. (30 Ogos 2021). Konsep *Talaqqī al-Quran Bersnad* (Temu bual).
- Qutb, S. (2008). *Fī Zīl al-Qur'ān*. Mesir: Dar al-Shuruq.
- Redha, M., Fairuz, M. & Ikram, M. (2022). Perkembangan Pengajian *Talaqqī al-Quran Bersnad* di Malaysia: Peranan Dato' Haji Sallehudin bin Omar. *Jurnal Qiraat*. 5(1). <http://qiraat.kuis.edu.my/index.php/qiraat/article/view/43/25>
- Redha, M., Zaidar, F. & Alias, N. (2020). Aplikasi al-Taḥammul wa al-Adā' dalam Kalangan Qurrā' dan Kepentingannya. *Jurnal al-Irsyad*. 5(2). <http://al-irsyad.kuis.edu.my/index.php/alirsyad/article/view/132/74>



- Redha, M., Zaidar, F. & Alias, N. (2020). *Relevansi Pewarisan Sanad Talaqqi Al-Quran*. Jurnal al-Turath. 5(1). <http://spaj.ukm.my/jalturath/index.php/jalturath/article/view/108>
- Sa'ad, A. (2013). *Asānīd al-Qirā'āt wa Manhaj al-Qurra' fi Dirāsatihā*. Riyadh: Maktaba al-Malik Fahd al-Waṭaniyyah.
- Said, K. & Adam, J. (2011). *Corak Tariq Sanad Pengajian Al-Quran Di Negeri Pahang*. International Journal on Quranic Research. 1(1). <https://ejournal.um.edu.my/index.php/quranica/article/view/5283/3078>
- al-Sayyid Aḥmad. (2011). *Fitnat al-Asānīd wa al-Ijāzāt al-Qur'āniyyah*. Tanta: Dār al-Sahābah li al-Turāth.
- Sayyidi, M. (2004). *Al-Isnād 'inda 'Ulamā' al-Qirā'āt*. Madinah al-Munawwarah: Majalla al-Jāmi'a al-Islamīyya.
- Wawan Djunaedi. (2004). *Madzhab Qiraat 'Ashim Riwayat Hafsh Di Nusantara: Studi Sejarah Ilmu*. Jakarta: Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah.
- Zaidar, F. (2014). Faktor-faktor Dorongan Aplikasi Talaqqi Bersanad (TB) Dan Keperluannya Dalam Pengajian Hadis Di Malaysia. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia.
- Zainuddin, K., Zainuddin, N. & Mohd Isa, M. F. (2010). Kamus Pelajar. Negeri Sembilan: Al-Azhar Media Enterprise.
- al-Zarqanī. (2001). *Manāḥil al-'Irfān fī 'Ulūm al-Qur'ān*. Kaherah: Dār al-Hadīth.